

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)**

**TARIKH : 2 NOVEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**DATO' JOHARI BIN ABDUL (SUNGAI PETANI)** minta **MENTERI KANAN PENDIDIKAN** menyatakan sejauh manakah berjayanya program guru yang telah tamat pengajian di Institut Perguruan ditempatkan ke negeri asal mereka. Ini kerana masih ramai guru dari Semenanjung yang dihantar ke Sabah dan Sarawak sedangkan ramai dari negeri-negeri ini yang masih bertugas di Semenanjung.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) melaksanakan penempatan guru baharu berdasarkan kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen di sesebuah negeri. Pada masa yang sama, KPM juga berusaha untuk memastikan guru kelahiran Sabah dan Sarawak diberikan keutamaan untuk ditempatkan di negeri kelahiran mereka kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tempoh tahun 2018 hingga 2021, seramai 4,014 orang guru yang berasal dari Sabah dan Sarawak daripada 17,718 orang guru baharu lantikan tetap DG41 ditempatkan di sekolah rendah dan menengah dalam negeri kelahiran mereka. Namun, bilangan graduan berasal dari Sabah dan Sarawak masih belum mencukupi untuk memenuhi keperluan opsyen di sekolah bagi dua negeri tersebut. Justeru KPM telah menempatkan seramai 840 orang guru yang berasal daripada semenanjung Malaysia ke sekolah di Sabah dan Sarawak bagi tempoh yang sama untuk memenuhi keperluan opsyen di negeri tersebut.

KPM komited dalam memastikan penempatan guru lantikan baharu dibuat berdasarkan kepada kekosongan perjawatan dan keperluan opsyen bagi memastikan pengajaran dan pembelajaran murid tidak terjejas.